

Pelan Strategik UMP 2008-2010 diperkenal

Ulasan MSA (Timur)
Kuantan 6 Feb. - Bagi menentukan hala tuju cemerlang pada masa depan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggariskan 10 faktor kejayaan kritikal (CFS) menerusi Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang diperkenalkan institusi tersebut.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, pelan strategik tersebut merupakan agenda perdana untuk memperkukuhkan asas dan seterusnya menjadi penentu kepada kemampuan UMP untuk

Khamis 7/2/08 pg: 22
menjana kecemerlangan.

Katanya, pelan berkenaan menasarkankan lima objektif utama iaitu mempertingkatkan penawaran program akademik yang inovatif dan relevan industri serta mempertingkatkan kualiti sumber manusia.

Tiga lagi objektif ialah memastikan UMP mencapai piawaian antarabangsa, memperkasakan sistem dan operasi selain memperbanyakkan kerjasama menyang-menang dengan pihak berkepentingan.

"Antara CFS-CFS yang dikenal pasti dalam pelan ini ialah aspek kepimpinan, pembangunan modal insan, pengajaran dan pembelajaran, akses dan sosioekonomi, penjaminan kualiti, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta pembelajaran sepanjang hayat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan perutusan tahunan kepada 700 warga UMP di Auditorium Kompleks Penyiaran Pahang, di sini hari ini.

Mohamed Said berkata, pihak-

nya masih mengekalkan 10 CSF pada Pelan Strategik 2006-2010, namun terdapat sedikit pengubahsuaian dan penambahbaikan dibuat sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Pada majlis yang sama, beliau turut menggariskan beberapa perkara asas yang perlu diambil perhatian dalam usaha meningkatkan lagi nama UMP di persada pendidikan negara.

Antara perkara tersebut katanya, ialah memperkukuhkan pemahaman dan penghayatan ter-

hadap visi, misi dan juga nilai-nilai teras universiti.

"Penekanan yang serius juga perlu diberi dalam ketiga-tiga aspek ini, lebih-lebih lagi dengan usia UMP yang mencapai enam tahun pada tahun ini," ujarnya.

Sehubungan itu katanya, semua warga UMP termasuk para pelajar perlu sama-sama meningkatkan usaha dalam menjayakan pelan tersebut supaya hasrat untuk muncul sebagai universiti teknikal berteraskan kompetensi yang bertaraf dunia akan tercapai.